

Newspaper	Suara Keadilan
Date	27/03/2012

18,000 pengundi tambahan di Parlimen Najib

Suara Keadilan - 27/3/2012

KEADILAN mendedahkan terdapat lebih 18,000 pengundi tambahan pada tahun 2012 di Parlimen Pekan iaitu kawasan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peningkatan itu berlaku hampir sekali ganda berbanding pada pilihan raya umum (PRU) lalu.

“Pada tahun 2008, di Parlimen Pekan pengundi tambahan meningkat berbelas-belas ribu. Pada tahun 2012 pun meningkat 18,000. Kawasan berdekatan lain seperti di

Kuantan cuma meningkat 5,000 sahaja. Tapi di Pekan boleh begitu tinggi. Pelik ke tidak?” soalnya pada sidang media di lobi Parlimen, 22 Mac lalu.

Beliau berkata, perkara itu dikenal pasti apabila mendapati banyak pengundi didaftarkan dengan satu nama menggunakan dua alamat.


“Saya nak tunjukkan bagaimana penipuan dibuat. Satu nama dua alamat sememangnya tak boleh berlaku kalau masuk dalam komputer ia akan ditolak sebab nombor kad pengenalan sama.

“Tapi apa yang mereka

buat ialah dengan menambah simbol palang (/) pada hujung nombor kad pengenalan,” katanya.

Anwar berkata, KEADILAN mempunyai cukup bukti tentang penipuan yang dilakukan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Sebagai contoh katanya, terdapat 79,998 kes di mana 100 pengundi didaftarkan dalam alamat yang sama.

Antaranya di Parlimen Johor Bharu iaitu di kawasan Kampung Melayu Majidee yang mempunyai 127 nama dalam satu alamat dan di Mahkota Klung (103 pengundi).



“Tapi apa yang mereka buat ialah dengan menambah simbol palang (/) pada hujung nombor kad pengenalan”

— ANWAR IBRAHIM
Ketua Pembangkang